

BAB LIMA

LAPORAN ANALISA KEFAHAMAN PEMIMPIN AGAMA ISLAM DAN KRISTIAN TERHADAP KONSEP ASAS DIALOG ANTARA AGAMA DAN KESANNYA TERHADAP HUBUNGAN SOSIAL

5.0 Pendahuluan

Bab Lima akan difokuskan kepada analisa data daripada laporan dapatan kajian sebagaimana yang telah penulis bentangkan dalam Bab Empat. Memandangkan kajian ini adalah kajian kualitatif, di mana kaedah analisa datanya sukar untuk diterima sebulat suara oleh komuniti penyelidikan⁶⁷⁶, maka penulis telah merancang dan membuat pemilihan kaedah analisa data dari awal kajian dibentuk untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan hasil kajian. Di antaranya dengan meneliti kaedah analisa data yang telah diaplikasi oleh pengkaji-pengkaji terdahulu dalam skop kajian yang sama mahupun hampir sama di samping meneliti kaedah-kaedah lain yang bersesuaian dengan bentuk kajian yang dilakukan seterusnya menyesuaikan dengan instrumen yang digunakan dalam kajian ini iaitu soal selidik. Ini bermakna soal selidik yang telah dibina adalah mengambilkira keseluruhan aspek kajian termasuk dari aspek kaedah pengukuran dan kaedah penganalisan data.⁶⁷⁷

⁶⁷⁶ Rujuk Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan, Buku 2*, 47.

⁶⁷⁷ Maklumat lanjut berkaitan keseluruhan kerangka kajian, rujuk Bab Satu.

Maka dalam kajian ini penulis telah menetapkan kaedah analisa data yang digunakan adalah (1) Kaedah Analisis Matrik atau Kaedah Analisis Logikal dan (2) Kaedah Perbandingan Tetap⁶⁷⁸, di mana kaedah ini telah digunakan oleh Jeanne Bee-Tin Lian⁶⁷⁹, Ghazali Basri⁶⁸⁰ dan Khairulnizam dan Suzy Aziziyana⁶⁸¹.

5.1 Analisa Data

Bahagian analisa data akan dibahagikan kepada (A) Analisa terhadap faktor kefahaman pemimpin agama Islam dan Kristian terhadap konsep asas dialog antara agama. (B) Analisa terhadap faktor kesan kefahaman terhadap hubungan sosial yang merangkumi lima tema hubungan sosial. Pada kedua-dua bahagian ini penulis akan membuat analisa secara perbandingan bagi kedua-dua kumpulan responden iaitu pemimpin agama Islam dan Kristian. Ini bagi memudahkan untuk mengenalpasti secara terus apakah perbezaan mahupun persamaan yang wujud bagi kedua-dua kumpulan responden ini. Manakala (C) Analisa Siknifikasi Tahap Kefahaman dan hubungkait Kesan Terhadap Hubungan Sosial pemimpin agama Islam dan Kristian.

⁶⁷⁸ Kaedah analisa data ini adalah di antara dua kaedah analisa data yang sering digunakan oleh pengkaji yang menjalankan kajian kualitatif. Rujuk Chua Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan, Buku 2*, 47-49. Penulis telah menghuraikan dengan lebih lanjut maksud kedua-dua kaedah ini dan bagaimana penulis akan mengaplikasikannya dalam proses membuat analisa. Maklumat lanjut rujuk Bab Satu bahagian Metodologi kajian.

⁶⁷⁹ Maklumat lanjut rujuk, Jeanne Bee-Tin Lian, "Sensemaking and Sensegiving during Organizational Change: Case Study of a Singapore Religious Leaders".

⁶⁸⁰ Maklumat lanjut rujuk, Ghazali Bari, "A Comparative Study on Religious Tolerance:", 271.

⁶⁸¹ Maklumat lanjut, rujuk, Khairulnizam Mat Karim dan Suzy Aziziyana Sali, "Measuring Religious Leaders (Muslim-Non-Muslim):", 24.

5.1 (A) Analisa Faktor Kefahaman Konsep Asas Dialog Antara Agama

Dalam kerangka kajian sebagaimana dibangunkan dalam Bab Satu iaitu berdasarkan kajian terdahulu dan model-model pelaksanaan dialog antara agama, terdapat tujuh faktor yang dapat mempengaruhi kejayaan proses pelaksanaan dialog seterusnya dapat mempengaruhi kefahaman kumpulan yang terlibat dalam menjayakan dialog antara agama. Faktor-faktor tersebut adalah (1) Tahap Pendidikan/Pendidikan Agama/Proses Pendidikan, (2) Pengalaman dalam dialog antara agama, (3) Tahap Keagamaan, (4) Tuntutan Semasa(Organisasi), (5) Faktor Politik(Polisi Kerajaan) dan (6) Faktor Prestij. Manakala faktor (7) Faktor Gender adalah faktor tambahan yang disenaraikan oleh penulis memandangkan kumpulan wanita juga harus dilibatkan di dalam pelaksanaan dialog. Walaubagaimanapun dalam kerangka kajian ini jumlah responden wanita bagi keseluruhan responden terlalu rendah hanya 14.1 % iaitu 9 orang daripada 64 responden yang diperolehi. Maka dari sudut kesan (*impact*) penyelidikan kepada variabel-variabel yang diukur tidak membawa sebarang signifikansi. Maka pada bahagian seterusnya penulis tidak akan menganalisa sebarang aspek yang berkaitan dengan Faktor Gender. Walaubagaimanapun penulis menegaskan bahawa penglibatan kumpulan wanita dalam pelaksanaan dialog antara agama adalah suatu keperluan terutama dalam pelaksanaan dialog penyelesaian konflik. Ini adalah kerana isu antara agama yang melibatkan wanita juga wujud. Justeru penyelidikan masa depan dalam dialog antara agama melibatkan gender bagi kumpulan wanita perlu dijalankan.

Setelah meneliti keseluruhan dapatan kajian penulis mendapati hanya tiga faktor sahaja yang mempengaruhi tahap kefahaman pemimpin agama terhadap konsep asas dialog antara agama iaitu (1) Faktor Satu (F1): Tahap Pendidikan/Pendidikan Agama/Proses

Pendidikan, (2) Faktor Dua (F2): Pengalaman dalam Dialog Antara Agama dan (3) Faktor Ketiga (F3): Tahap Keagamaan.

(1) Faktor Satu (F1) : Tahap Pendidikan/Pendidikan Agama/Proses Pendidikan

Dapatan kajian berkaitan tahap kefahaman pemimpin agama Islam telah menunjukkan bahawa tahap kefahaman kedua-dua kumpulan responden iaitu AJK Fatwa Kebangsaan dan Pegawai Agama Dakwah Negeri terhadap konsep asas dialog antara agama berada pada tahap “Faham (F)”. Pada penelitian penulis faktor tahap pendidikan/pendidikan agama/proses pendidikan adalah faktor utama yang mempengaruhi tahap kefahaman tersebut. Data menunjukkan bahawa bagi AJK Fatwa Kebangsaan 45 % responden memiliki tahap pendidikan di peringkat Sarjana manakala selebihnya iaitu 55 % di peringkat Ijazah Sarjana Muda iaitu masing-masing mempunyai pengkhususan dalam Shari‘ah iaitu 50 % dan Usuluddin juga 50 %. Bagi Pegawai Agama Dakwah Negeri pula 14.3 % memiliki Ijazah Sarjana dan selebihnya iaitu 85.7 % memiliki Ijazah Sarjana Muda. Ini dikuatkan lagi dengan masing-masing mempunyai pengkhususan dalam Shari‘ah sebanyak 14.3 % dan selebihnya iaitu 83.7 % adalah bidang Usuluddin. Kajian juga telah menunjukkan bahawa tahap kefahaman ini turut dipengaruhi oleh platform memperolehi maklumat mengenai dialog antara agama itu sendiri. Ini adalah kerana keseluruhan AJK Fatwa Kebangsaan iaitu 100 % dan 64.3 % bagi Pegawai Agama Dakwah Negeri telah menyatakan bahawa proses pendidikan iaitu pendidikan formal adalah sumber utama bagi mereka mendapat maklumat berkaitan dialog antara agama. Ini secara selari menunjukkan bahawa pendidikan formal mempunyai hubungan di antara tahap pendidikan dan bidang pendidikan agama dalam menentukan tahap kefahaman responden terhadap dialog antara agama.

Manakala dapatan kajian bagi responden pemimpin agama Kristian pula, tahap kefahaman bagi kumpulan Paderi (Ahli CCM) adalah “Sangat Tinggi (ST)” berbanding Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) dengan tahap kefahaman “Tidak Pasti (TP)”. Walaupun begitu, jika diteliti kepada tahap pendidikan kedua-dua kumpulan responden ini, kajian menunjukkan bahawa 80 % kepada 20 % responden kumpulan Paderi(Ahli CCM) mempunyai Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda dan 30.8 % kepada 46.2 % bagi kumpulan Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) memiliki Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda. Oleh itu kajian mendapati tahap pendidikan tinggi belum cukup bagi mempengaruhi tahap kefahaman Ketua Organisasi Kristian terhadap konsep asas dialog antara agama. Oleh itu penulis mendapati faktor sebenar yang mempengaruhi tahap kefahaman pemimpin agama Kristian adalah tahap pendidikan agama mereka. Ini dengan merujuk kepada dapatan kajian yang menunjukkan bagi kumpulan Paderi(Ahli CCM) iaitu 46.7 % memiliki tahap pendidikan agama dalam bidang *Theology*, 26.7 % bidang *Divinity* dan 13.3 % *Ministry* iaitu dengan jumlah keseluruhan 86.7 % responden memiliki tahap pendidikan agama masing-masing. Ini berbeza dengan kumpulan Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM), hanya 38.5 % responden yang memiliki pendidikan agama iaitu 15.4 % bidang *Theology* dan *Ministry* dan 7.7 % bidang *Disiplinary Studies*. Dapatan ini adalah selari dengan data yang menunjukkan bahawa 73.3 % kumpulan Paderi(Ahli CCM) menyatakan bahawa sumber utama bagi mereka mendapatkan maklumat berkaitan dengan dialog antara agama adalah daripada pendidikan formal. Ini berbeza bagi kumpulan Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan) iaitu hanya 15.4 % sahaja.

Kajian mendapati terdapat tiga elemen penting dalam Faktor Satu iaitu elemen (a) Tahap Pendidikan, (b) Pendidikan Agama dan (c) Proses Pendidikan - Pendidikan Formal sebagai medium memahami dialog antara agama. Walaupun begitu dengan analisa secara perbandingan di atas kajian mendapati elemen (c) iaitu faktor pendidikan formal terhadap konsep asas dialog antara agama mahupun keseluruhan aspek dialog antara agama serta pengkhususan dalam pendidikan agama adalah suatu keperluan utama bagi setiap pemimpin agama mahupun kumpulan yang ingin terlibat secara serius di dalam pelaksanaan dialog antara agama. Ini adalah kerana ia adalah elemen yang penting dalam mempengaruhi kefahaman terhadap dialog antara agama.

(2) Faktor Dua (F2): Pengalaman dalam Dialog Antara Agama

Kajian menunjukkan bahawa pengalaman dan penyertaan dalam aktiviti dialog antara agama turut menyumbang kepada tahap kefahaman responden terhadap konsep asas dialog antara agama. Data menunjukkan bahawa keseluruhan kumpulan AJK Fatwa Kebangsaan iaitu 100 % mempunyai pengalaman atau pernah terlibat dalam aktiviti dialog antara agama sama ada sebagai panel iaitu 54.5 %, penganjur iaitu 36.4 % dan 9 % sebagai peserta biasa. Begitu juga dengan kumpulan Pegawai Agama Dakwah Negeri iaitu sebanyak 78.6 % daripada responden pernah terlibat dalam aktiviti dialog antara agama iaitu masing-masing 35.7 % sebagai penganjur dan peserta biasa dan 7.1 % sebagai peserta undangan.

Manakala bagi Paderi(Ahli CCM) iaitu 93.3 % daripada responden pernah terlibat dan mempunyai pengalaman dalam aktiviti dialog antara agama iaitu sebagai panel, penganjur, peserta undangan dan peserta biasa dengan peratusan masing-masing iaitu 20 %, 40 %, 26.7 % dan 6.7 %. Bagi kumpulan Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) pula responden yang pernah terlibat dengan aktiviti dialog antara agama adalah sebanyak 53.8 % iaitu 7.7 % sebagai panel, 15.4 % masing-masing sebagai penganjur dan peserta biasa dan 7.7 % sebagai peserta undangan.

Data berkaitan penglibatan responden dalam aktiviti dialog antara agama diperkukuhkan lagi dengan data tempoh masa penglibatan responden iaitu sebagaimana yang telah ditetapkan oleh penulis di dalam soal selidik iaitu daripada tahun 1985 hingga 2010 secara selang lima tahun antara setiap tempoh. Kajian telah menunjukkan bahawa penglibatan yang tinggi oleh AJK Fatwa Kebangsaan bermula pada tahun 2000 iaitu 18.2 % dengan pada tahun 1995 hanya sekadar penglibatan 4.5 % sahaja. Penglibatan telah meningkat ke 59.1 % pada tahun 2005 dan pada tahun 2010 ia bertambah sebanyak 18.2 % lagi. Ini menunjukkan bahawa majoriti AJK Fatwa kebangsaan terlibat dalam dialog antara agama dalam kerangka kajian sebagaimana yang ditetapkan oleh penulis iaitu tahun 2001 hingga 2010. Manakala bagi Pegawai Agama Dakwah Negeri pula penglibatan sebanyak 50 % responden turut bermula semenjak tahun 2000 dengan penglibatan pada tahun 1995 hanya sekadar 14.3 %. Pada tahun 2005 berlaku penambahan sebanyak 14.3 % penglibatan daripada responden.

Bagi Paderi(Ahli CCM) penglibatan responden agak sekata yang bermula dari tahun 1985 iaitu 33.3 %, 20 % pada tahun 1990 dan 1995, dan 13.3 % pada tahun 2000. Ini membuktikan bahawa tahap kefahaman yang tinggi di kalangan Paderi(Ahli CCM) jelas dipengaruhi oleh pengalaman mereka dalam aktiviti dialog. Ini amat berbeza dengan Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) kerana penglibatan yang tinggi dalam aktiviti dialog antara agama hanya bermula pada tahun 2005 dengan peratus 30.8 % sahaja. Oleh itu pada pandangan penulis tempoh masa yang singkat ini telah memberi kesan kepada tahap kefahaman yang rendah kumpulan Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) terhadap dialog antara agama.

(3) Faktor Ketiga (F3): Tahap Keagamaan

Pada peringkat pembentukan soal selidik, penulis telah menentukan sebanyak dua elemen untuk menentukan tahap keagamaan responden pemimpin agama Islam iaitu dengan mengukur (1) kekerapan responden menunaikan sembahyang berjamaah dan (2) kekerapan menghadiri perhimpunan agama seperti majlis ilmu, kuliah agama atau sebarang aktiviti agama yang dapat meningkatkan kefahaman responden kepada agama. Manakala bagi responden pemimpin agama Kristian tahap keagamaan diukur dengan (1) kekerapan responden pergi ke gereja dan (2) kekerapan menghadiri perhimpunan agama seperti ceramah agama dan seumpamanya. Kedua-dua elemen ini telah dimasukkan oleh penulis di dalam soal selidik dalam bahagian demografi. Kajian mengambilkira bahawa semakin tinggi tahap keagamaan setiap responden bermaksud semakin tinggi kepatuhan kepada agama. Ini bermaksud jika pemimpin agama patuh kepada perintah agama sudah pasti mereka akan melaksanakan peranannya dalam membangunkan dialog antara agama serta

menyuburkan hubungan baik antara agama sebagaimana galakan dari agama masing-masing seperti perbahasan dalam Bab Dua.

Maka dengan data yang dikumpul, kajian menunjukkan bahawa tahap kekerapan AJK Fatwa Kebangsaan menunaikan solat berjemaah adalah sangat tinggi iaitu dengan 100 % responden menyatakan pada tahap “Sangat kerap”. Manakala bagi Pegawai Agama Dakwah Negeri pula sebanyak 64.3 % menyatakan “Sangat kerap” dan 28.6 % menyatakan “Kerap” dalam menunaikan solat berjemaah. Bagi elemen menghadiri perhimpunan agama pula, 100 % responden AJK Fatwa Kebangsaan menyatakan “Sangat kerap”. Manakala Pegawai Agama Dakwah Negeri sebanyak 71.4 % menyatakan “Sangat kerap” dan 21.4 % menyatakan “Kerap”. Ini jelas menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan responden bagi pemimpin agama Islam mempunyai tahap keagamaan yang tinggi dan ia jelas boleh mempengaruhi tahap kefahaman responden terhadap kefahaman dialog antara agama.

Manakala bagi responden pemimpin agama Kristian pula ia agak berbeza walaupun kedua-dua kumpulan responden dilihat mempunyai tahap kefahaman agama yang tinggi tetapi ia belum cukup untuk mempengaruhi kefahaman Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) terhadap dialog antara agama. Bagi kumpulan responden Paderi(Ahli CCM), mereka mempunyai kekerapan yang tinggi untuk ke gereja dan menghadiri perhimpunan agama dengan 100 % menyatakan “Setiap Ahad” untuk kedua-dua elemen. Manakala Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) menyatakan 92.3 % “Setiap Ahad”, 7.7 % “Kebanyakan Ahad” bagi elemen (1) dan elemen (2) 84.6 % menyatakan “Setiap Ahad dan 7.7 % menyatakan “Kebanyakan Ahad”. Oleh itu

penulis mendapati bahawa elemen pendidikan agama secara formal seperti faktor kedua di atas adalah faktor utama yang dapat mempengaruhi tahap kefahaman responden terhadap konsep asas dialog antara agama.

5.1 (B) Analisa Faktor Kesan Tema Hubungan Sosial

Kesan Satu (K1): Hubungan Sosial dan Interaksi.

Dapatan kajian dalam Bab Empat sebelum ini telah menunjukkan bahawa Hubungan Sosial dan Interaksi pemimpin agama Islam sama ada AJK Fatwa Kebangsaan mahupun Pegawai Agama Dakwah Negeri berada pada tahap “Rendah(R)”. Manakala Paderi(Ahli CCM) dan Ketua Organisasi Kristian (Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) berada pada tahap “Tinggi(T) dan “Sangat Rendah (SR)”.

Setelah penulis membuat penelitian yang menyeluruh, kajian mendapati faktor utama yang menyumbang kepada rendahnya tahap hubungan sosial dan interaksi kedua-dua kumpulan responden Islam adalah disebabkan oleh Faktor Keempat (F4) iaitu Faktor Tuntutan Semasa(Organisasi). Manakala bagi Paderi(Ahli CCM) tahap kesan hubungan sosial dan interaksi yang tinggi juga adalah disumbang oleh Faktor Keempat (F4).

Sebagaimana yang dijelaskan dalam Bab Satu, Faktor Tuntutan Semasa(Organisasi) ini bermaksud dasar atau matlamat organisasi yang menaungi kumpulan pemimpin agama terhadap hubungan antara agama dan secara khusus terhadap pelaksanaan dialog antara agama. Ini adalah kerana Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang bertindak

sebagai urusetia kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) dan menjadi badan yang menaungi kumpulan pemimpin agama Islam tidak menekankan hal-hal hubungan antara agama mahupun pelaksanaan dialog antara agama di dalam pelan strategiknya iaitu dalam kerangka tahun 2006-2010. Walaupun secara dasarnya di dalam dasar penerapan nilai-nilai Islam terutama Islam Hadhari wujud penegasan terhadap keperluan membina hubungan dan dialog antara agama. Ini berbeza dengan organisasi yang menaungi pemimpin agama Kristian, sama ada Majlis Gereja SeMalaysia, Gereja Katolik mahupun Gereja Evangelikal. Kajian menunjukkan bahawa setiap organisasi ini mempunyai dasar dan objektif yang jelas dalam hal-hal membina hubungan antara agama dan juga galakan terhadap pelaksanaan dialog antara agama. Ia juga secara khusus menggalakkan pihak gereja membina hubungan damai terhadap masyarakat Muslim.

Sebagai contoh dalam Soalan Bahagian Hubungan Sosial dan Interaksi, Soalan 4: Berapa kerapkah anda berjumpa dengan Pemimpin Agama Islam/Kristian(cth: Mufti/Paderi) dalam setahun secara RASMI? dan Soalan 5: Apakah Tujuan UTAMA pertemuan tersebut?. Majoriti iaitu 100 % responden AJK Fatwa Kebangsaan dan 42.9 % bagi Pegawai Agama Dakwah Negeri menyatakan “Hanya sekali” sahaja mereka bertemu dengan Pemimpin Agama Kristian dalam setahun dan ada juga responden Pegawai Agama Dakwah Negeri yang menyatakan “Tidak pernah langsung” iaitu sebanyak 35 %. Majoriti mereka iaitu 100 % dan 78.6 % menyatakan bahawa pertemuan itu hanya sekadar “Menghadiri program”. Pada penelitian penulis perkara ini berlaku adalah disebabkan tiada sebarang keutamaan yang diletakkan oleh JAKIM di dalam perancangan strategik mereka selaku organisasi yang menaungi Pemimpin Agama Islam di peringkat Nasional. Jika JAKIM memberikannya sebagai salah satu keutamaan, maka sudah pasti pertemuan

tersebut akan lebih kerap dan fokus pertemuan juga sudah pasti bukan sekadar menghadiri aktiviti tetapi pertemuan berkala yang mempunyai agenda yang serius dalam membincangkan hal-hal hubungan Islam dan Kristian di Malaysia. Ini amat berbeza dengan responden Paderi(Ahli CCM) iaitu 60 % menyatakan kekerapan pertemuan adalah “6-11 kali” dan 13.3% adalah “4-5 kali” dalam setahun. Manakala Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) iaitu masing-masing 7.7 % responden , menyatakan “6-11 kali”, “4-5 kali”, “3 kali” dan “Sekali” dalam setahun bertemu dengan Pemimpin Agama Islam.

Perkara ini dikuatkan lagi dengan Soalan 17: Salah seorang Pemimpin Agama Kristian/Islam(cth; Paderi/Mufti) telah meninggal dunia. Adakah anda akan melawatnya untuk memberi penghormatan terakhir?. Kajian menunjukkan bahawa hanya 25 % iaitu 9 orang responden daripada 36 orang responden bagi kedua-dua kumpulan Pemimpin Agama Islam yang menyatakan akan membuat kunjungan untuk memberi penghormatan terakhir. Ini berbeza dengan Pemimpin Agama Kristian iaitu 75 % dengan 21 daripada 28 responden menyatakan akan membuat kunjungan hormat. Dapatan ini amat jelas iaitu Faktor Keempat (F4), Faktor Tuntutan Semasa(Organisasi) adalah faktor penentu terhadap tahap hubungan sosial dan interaksi Pemimpin Agama Islam dan Kristian.

Penulis juga maklum bahawa Faktor Keempat(F4) tidak menjadi faktor utama kepada rendahnya tahap hubungan sosial bagi Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM). Setelah diteliti, kajian mendapati tahap hubungan sosial yang rendah ini adalah di pengaruhi oleh Faktor Pertama (F1) terutama elemen (a)“Pendidikan Agama”

dan (b)“Pendidikan Formal” sebagai sumber memahami konsep asas dialog antara agama. Ini adalah kerana tahap kefahaman Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) terhadap konsep asas dialog antara agama berada pada tahap “Tidak Pasti”. Oleh itu sudah pasti kumpulan ini tidak memahami betapa pentingnya membangunkan hubungan sosial dan interaksi yang tinggi dan baik di kalangan pemimpin agama dalam membina hubungan antara agama dan secara khusus pelaksanaan dialog antara agama di kalangan pemimpin agama terutama Islam dan Kristian.

Kesan Kedua (K2): Sikap Eksklusif

Sikap eksklusif yang dimaksudkan oleh penulis dalam kajian ini adalah perasaan negatif yang wujud di kalangan penganut agama terhadap agama lain dan pada waktu yang sama hanya menghargai agama sendiri (*cherish own religion*). Semakin rendah tahap eksklusif sebagaimana yang terdapat di dalam Skala Kesan Hubungan Sosial(SKHS) bagi pemimpin agama bermaksud semakin rendah sikap negatif mereka terhadap pemimpin agama dan agama pihak lain. Maka soalan-soalan yang dibentuk oleh penulis dalam soal selidik adalah untuk mengukur sejauh mana tahap saling faham memahami dan menghormati nilai-nilai dalam agama lain yang wujud dalam setiap diri responden pemimpin agama.

Dapatan kajian dalam Bab Empat sebelum ini telah menunjukkan bahawa tahap Sikap Eksklusif Pemimpin Agama Islam sama ada AJK Fatwa Kebangsaan mahupun Pegawai Agama Dakwah Negeri berada pada tahap “Sederhana (SD) atau Pertengahan”. Manakala Paderi(Ahli CCM) dan Ketua Organisasi Kristian (Ahli Bersekutu dan Gabungan

CCM) berada pada tahap “Rendah(R)”. Berdasarkan Skala Kesan Hubungan Sosial (SKHS), ini membawa maksud Pemimpin Agama Kristian mempunyai nilai menghormati agama lain satu tahap lebih baik berbanding Pemimpin Agama Islam.

Setelah penelitian yang menyeluruh dibuat, kajian mendapati bahawa faktor utama yang menyumbang kepada keputusan kajian di atas adalah Faktor Pertama (F1), Faktor Kedua (F2) dan Faktor Ketiga (F3) iaitu Pendidikan, Pengalaman dalam pelaksanaan dialog dan Tahap Keagamaan.

Sebagai contoh dalam Soalan 1: Adakah anda tahu simbol bagi masyarakat Islam/Kristian? Kajian menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu 100 % responden AJK Fatwa Kebangsaan dan Pegawai Agama Dakwah Negeri mengetahui simbol bagi agama Kristian. Begitu juga dengan responden Paderi(Ahli CCM) dan Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) iaitu 100 % menyatakan mereka mengetahui simbol agama Islam. Seterusnya bagi Soalan 2: Apakah reaksi anda terhadapnya?. Sebanyak 95.5 % responden bagi AJK Fatwa Kebangsaan menyatakan simbol agama Kristian tersebut “Harus dihormati” dan 4.5 % menyatakan “Boleh diterima”. Manakala bagi Pegawai Agama Dakwah Negeri pula sebanyak 35.7 % menyatakan “Harus dihormati” dan 57.1 % menyatakan “Boleh diterima”. Bagi responden Pemimpin Agama Kristian kajian juga menunjukkan tahap yang sangat baik iaitu sebanyak 93.3 % Paderi(Ahli CCM) menyataka simbol agama Islam “Harus dihormati” dan 6.7 % “Boleh diterima”. Manakala bagi Ketua Organisasi Kriastian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) sebanyak 46.2 % menyatakan “Harus dihormati” dan 53.8 % menyatakan “Boleh diterima”. Pada pandangan

penulis data ini telah menunjukkan sikap yang amat baik ditunjukkan oleh kedua-dua pemimpin agama.

Perkara ini dikuatkan lagi dengan dapatan pada Soalan 10: Jika Pemimpin Agama Islam/ Kristian (cth: Mufti atau Paderi) menceritakan mengenai ajaran agama mereka adakah anda sudi mendengarnya? Kajian menunjukkan bahawa majoriti iaitu 100 % responden AJK Fatwa Kebangsaan menyatakan mereka “Sudi” untuk mendengar. Manakala Pegawai agama Dakwah Negeri pula sebanyak 64.3 % menyatakan “Sudi” dan 21.4 % menyatakan “Sangat Sudi”. Begitu juga dengan responden Pemimpin Agama Kristian iaitu Paderi(Ahli CCM) majoriti sebanyak 66.7 % “Sangat Sudi” mendengar dan 13.3 % menyatakan “Sudi”. Manakala bagi Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) sebanyak 38.5 % menyatakan “Sudi”, 15.4 % “Sangat sudi” dan 30.8 % menyatakan “Mungkin sudi”.

Dalam soalan seterusnya iaitu Soalan 11: Jika Pemimpin Agama Islam/Kristian(cth: Mufti/Paderi) memberi anda sebuah buku atau bahan bacaan mengenai agama mereka, adakah anda sudi untuk membacanya?. Kajian menunjukkan bahawa majoriti iaitu 100 % AJK Fatwa Kebangsaan menyatakan mereka “Sudi” untuk membacanya. Manakala bagi Pegawai Agama Dakwah Negeri pula sebanyak 50 % menyatakan “Sudi” dan 36 % menyatakan “Sangat Sudi”. Bagi responden Paderi(Ahli CCM), sebanyak 67 % menyatakan “Sangat Sudi” dan 20 % menyatakan “Sudi” untuk membaca bahan bacaan yang diberikan oleh ketua agama Islam. Data ini juga telah dikuatkan lagi iaitu sebanyak 55.2 % bagi kedua-dua kumpulan responden Islam dan 66.5 % bagi kedua-dua kumpulan

responden Kristian yang menyatakan “Pembacaan” adalah salah satu sumber utama bagi mereka mengetahui hal-hal dialog antara agama mahupun hal-hal agama lain. Ini bermaksud jika pemimpin agama Islam tidak membaca bahan bacaan ataupun mengabaikan menambah pengetahuan berkaitan agama Kristian sudah pasti menyumbang kepada tingginya sikap eksklusif mereka terhadap agama Kristian dan begitu juga akan berlaku kepada pemimpin agama Kristian.

Pada penelitian penulis pada Soalan 1,2,10 dan 11 di atas, faktor pendidikan, pengalaman dalam berdialog dan hubungan antara agama serta faktor keagamaan jelas menyumbang kepada rendahnya sikap eksklusif pemimpin-pemimpin agama sama ada Pemimpin Agama Islam mahupun Kristian. Ini adalah kerana jika tahap pendidikan rendah seperti mempunyai tahap kefahaman yang rendah terhadap konsep asas dialog antara agama, maka sudah pasti akan memberi kesan kepada sikap eksklusif mereka terhadap agama lain. Ini adalah kerana dalam konsep asas dialog terdapat beberapa peraturan dan panduan dalam menjalankan dialog antara pemimpin-pemimpin agama. Ini juga telah dititikberatkan dan mendapat galakan dalam agama masing-masing seperti kenal-mengenali antara mereka, hormat menghormati satu sama lain sama ada Islam mahupun Kristian. Oleh itu tahap keagamaan yang tinggi dimiliki oleh pemimpin-pemimpin agama adalah amat penting bagi menjayakan sesebuah dialog apatah lagi pelaksanaan dialog penyelesaian konflik. Ini telah penulis huraikan sebagaimana dalam huraian Bab Dua sebelum ini.

Walaupun bagaimanapun ia agak berbeza dengan Soalan ke 23 dan Soalan 24. Soalan 23: Adakah anda membenarkan penganut Kristian/Islam masuk campur/mengkritik urusan dalaman agama Islam/Kristian? dan Soalan 24: Jika jawapan anda adalah “Tidak” apakah alasan anda? Kajian menunjukkan bahawa majoriti kedua-dua kumpulan responden Pemimpin Agama Islam menyatakan 100 % tidak bersetuju agama Kristian masuk campur urusan dalaman agama Islam. Bagi AJK Fatwa Kebangsaan majoriti mereka iaitu 100 % responden menyatakan sebabnya adalah kerana perkara tersebut “Terkandung dalam Artikul 11(3)(a) Perlembagaan Persekutuan Malaysia” yang berbunyi, “ (3) Tiap-tiap kumpulan agama adalah berhak – (a) menguruskan hal-ehwal ugamanya sendiri,”. Dapatan ini pada hakikatnya telah di tegaskan oleh Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan Tan Sri Dato’ Dr. Haji Abdul Shukor bin Hj. Husin bahawa sesuatu hal atau perkara yang telah dipersetujui atau *established* seperti di dalam perlembagaan maka tidak akan ada perubahan kecuali wujud proses pindaan perlembagaan kerana ditakuti akan berlaku perbalahan.⁶⁸² Manakala bagi Pegawai Agama Dakwah Negeri pula sebanyak 21.4 % menyatakan “ Salah tafsir/kritik akan menyebabkan konflik/krisis antara agama” dan selebihnya iaitu 76.6 % berpendapat “Hanya penganut Islam sahaja yang tahu hal-hal dalaman agama mereka”. Manakala bagi Pemimpin Agama Kristian iaitu kumpulan Paderi(Ahli CCM) terdapat 13.3. % membenarkan masyarakat Islam masuk campur dalam urusan agama mereka dan selebihnya iaitu 86.7 % tidak bersetuju. Begitu juga bagi Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) iaitu 7.7 % bersetuju dan 92.3 % tidak bersetuju. Majoriti Paderi(Ahli CCM) yang tidak bersetuju iaitu sebanyak 80 % dan 53.8 % bagi Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) memberi sebab “Salaf tafsir/kritik akan menyebabkan konflik/krisis antara agama”. Pada pandangan penulis walaupun dari sudut bacaan Skala Kesan Hubungan Sosial (SKHS) bagi soalan 23

⁶⁸² Wawancara bersama Tan Sri Dato’ Dr. Haji Abdul Shukor bin Hj. Husin.

dan 24 menunjukkan bahawa sikap eksklusif kedua-dua Pemimpin Agama Islam dan Kristian “Tinggi” tetapi respon atau sebab yang diberikan adalah matang dengan berdasarkan rasional dan logik yang akan menyumbang kepada kesan buruk seperti kesan berlakunya konflik antara agama. Ini jelas menunjukkan faktor pengetahuan dan pengalaman berdialog telah menyumbang kepada perkara ini. Selain itu penulis melihat bahawa wujud sifat keterbukaan (*openness*) dalam kalangan Pemimpin Agama Kristian iaitu sebanyak 13.3 % kumpulan Paderi(Ahli CCM) dan 7.7 % bagi Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) bersetuju untuk membuka ruang bagi masyarakat agama Islam mencampuri atau mengkritik urusan dalaman agama mereka. Manakala dari segi peratusan melalui Skala Kesan Hubungan Sosial(SKHS) pula penulis melihat Pemimpin Agama Islam agak bersifat *defensive* dalam hal ini kerana tidak ada di kalangan wakil pemimpin agama yang bersetuju untuk membuka ruang atau bersifat *openness* kepada masyarakat agama Kristian mencampuri urusan dalaman Islam. Walaubagaimanapun penulis merasakan perlunya kajian mendalam berkaitan apakah faktor yang menyumbang kepada keputusan ini.

Kesan Ketiga (K3): Sikap Altruistik

Dapatan kajian dalam Bab Empat sebelum ini telah menunjukkan bahawa tahap Sikap Altruistik Pemimpin Agama Islam iaitu kumpulan AJK Fatwa Kebangsaan berada pada tahap “Sederhana (SD) atau Petengahan” dan Pegawai Agama Dakwah Negeri pada tahap “Sangat Tinggi”. Manakala Paderi(Ahli CCM) dan Ketua Organisasi Kristian (Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) berada pada tahap “Sangat Tinggi” dan “Tinggi”. Berdasarkan Skala Kesan Hubungan Sosial (SKHS), ini membawa maksud bahawa

Pemimpin Agama Kristian mempunyai sikap altruistik satu tahap lebih baik berbanding Pemimpin Agama Islam.

Penulis mendapati bahawa Faktor Pertama (F1), Faktor Kedua (F2) dan Faktor Ketiga (F3) masih lagi mendominasi serta menyumbang kepada tahap sikap altruistik yang baik bagi kedua-dua kumpulan pemimpin agama sama ada Islam mahupun Kristian. Walaubagaimanpun penulis juga mendapati bahawa bagi Faktor Keempat (F4) iaitu Faktor Tuntutan Semasa(Organisasi) turut menyumbang pemberat (*weight age*) terhadap keputusan tersebut pada sesetengah bahagian.

Sebagai contoh pada Soalan 19: Jika ada masyarakat Muslim/Kristian datang dan memohon derma bagi kegunaan(spt: persatuan kebajikan/orang miskin/kanak-kanak miskin dll) adakah anda memberinya? Kajian menunjukkan majoriti responden iaitu 100 % dan 78 % bagi AJK Fatwa Kebangsaan menyatakan dan Pegawai Agama Dakwah Negeri menyatakan “Ya” untuk memeberikan bantuan. Bagi Paderi(Ahli CCM) dan Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) masing-masing turut menyatakan “Ya” akan membantu dengan majoriti 100 % dan 53.8 %.

Analisa ini dikuatkan lagi dengan Soalan ke 32: Adakah anda bersetuju keutamaan harus diberikan oleh Muslim/Kristian kepada masalah seperti masalah sosial dan bina insan daripada persoalan konversi? Kajian menunjukan bahawa majoriti iaitu 100 % AJK Fatwa Kebangsaan menyatakan “Sangat bersetuju”, manakala bagi Pegawai Agama Dakwah

Negeri masing-masing “Sangat bersetuju” sebanyak 57.1 % dan “Bersetuju” sebanyak 28.6 %. Ini turut diikuti oleh responden Paderi(Ahli CCM) iaitu dengan 73.3 % “Sangat bersetuju” dan 13.3 % “Bersetuju”. Manakala Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM), masing-masing “Sangat bersetuju” dengan 69.2 % dan “Bersetuju” dengan 23.1 %. Pada pandangan penulis walaupun aspek dakwah dalam Islam dan mubaligh dalam Kristian merupakan antara peranan utama pemimpin-pemimpin agama tetapi kematangan dan keutamaan berdasarkan realiti dan keadaan semasa dapat meningkatkan sikap altruistik mereka. Dalam hal ini penulis melihat bahawa Faktor Kedua (F2) iaitu Pengalaman Berdialog pasti memainkan peranan dalam menentukan keutamaan peranan yang harus dimainkan oleh setiap pemimpin agama terutama dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia.

Walaubagaimanapun terdapat beberapa bahagian yang memberi kesan kepada kurangnya skala tahap sikap altruistik ketua-ketua agama iaitu Soalan 17 dan Soalan 21.

Sebagai contoh dalam Soalan 17: Salah seorang Pemimpin Agama (cth: Mufti/Paderi) telah meninggal dunia. Adakah anda akan melawatnya untuk memberi penghormatan terakhir? Majoriti AJK Fatwa Kebangsaan iaitu 100 % menyatakan mereka “Tidak” akan melawatnya untuk memberikan penghormatan terakhir. Manakala bagi Pegawai Agama Dakwah Negeri menyatakan “Tidak ” hanya 30.8 %. Alasan yang diberikan oleh kedua-dua kumpulan responden ini sebagaimana dalam Soalan 18 adalah kerana “Tiada keperluan”. Ini menunjukkan bahawa dari aspek hubungan sosial dan interaksi adalah rendah sebagaimana telah terbukti pada dapatan analisa Kesan 1: Hubungan Sosial

dan Interaksi sebelum ini. Pada analisa penulis Faktor Keempat (F4) iaitu Faktor Tuntutan Semasa(Organisasi) menjadi pemberat (*weight age*) terhadap keputusan ini. Walaubagaimanapun dari segi kefahaman terhadap kepentingan hubungan sosial sebagaimana disarankan oleh Islam masih tidak terjejas dan masih “Tinggi” tahap kefahaman kedua-dua responden terhadap konsep asas dialog kerana kefahaman mereka masih berada pada tahap “Faham”. Jika faktor kefahaman mereka terjejas sudah pasti mereka akan memilih untuk memberi alasan seperti “Agama Islam tidak membenarkan berbuat demikian” iaitu tidak membenarkan mereka melawat dan memberikan penghormatan terakhir kepada Pemimpin Agama Kristian yang telah meninggal dunia.

Perbezaan yang ketara di antara AJK Fatwa Kebangsaan dan Pegawai Agama Dakwah dalam Soalan 17 ini juga adalah disumbang oleh Faktor Keempat (F4). Ini adalah kerana dengan jelas telah dihuraikan dalam Bab Tiga bahawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) tidak memberi sebarang keutamaan terhadap menjalankan dialog antara agama mahupun membina hubungan dengan masyarakat bukan Muslim sebagaimana dalam Perancangan Startegik mereka. Walaubagaimanapun ini berbeza dengan Unit Dakwah di peringkat Jabatan Agama Islam Negeri kerana daripada 14 Unit Dakwah Negeri sebanyak 7 daripada unit tersebut memberi keutamaan dalam melaksanakan dialog dan membina hubungan antara bukan Muslim. Pada pandangan penulis ini telah menyumbang kepada keputusan di atas.

Manakala bagi responden Pemimpin Agama Kristian hanya kumpulan Ketua Organisasi Kristian (Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) sahaja iaitu 53.8 % yang menyatakan tidak akan melawat jika salah seorang Pemimpin Agama Islam meninggal dunia. Manakala alasan yang diberikan oleh mereka adalah “Jika menyertainya, saya berasa seperti orang luar”. Dapatan ini amat selari dengan tahap hubungan sosial dan interkasi Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) di mana ia berada pada tahap “Sangat Rendah (SR)” dan kefahaman mereka terhadap konsep asas dialog antara agama berada pada tahap “Tidak Pasti”. Ini jelas bahawa Faktor Pendidikan (F1) terutama elemen pendidikan agama mempengaruhi sikap altruistik mereka.

Untuk Soalan 21: Jika pembantu masjid/gereja datang dan memohon derma bagi kegunaan masjid/gereja(spt: baik pulih dll) adakah anda memberinya?. Kajian menunjukkan majoriti iaitu 100 % kedua-dua kumpulan responden Pemimpin Agama Islam menyatakan “Tidak” iaitu tidak akan memberi bantuan. Walaupun dari sudut skala tahap altruistik menunjukkan tahap yang rendah tetapi alasan yang diberikan oleh mereka pada Soalan 22 adalah amat rasional dan logik. Ini adalah kerana majoriti AJK Fatwa Kebangsaan dan Pegawai Agama Dakwah Negeri iaitu 100 % dan 71.4 % memilih untuk menjawab “Saya perlu dahulukan organisasi Islam dan masyarakatnya” daripada memilih jawapan “Agama Islam tidak membenarkan berbuat demikian. Ini sekali lagi menunjukkan Faktor Pendidikan (F1) terutama elemen pendidikan agama, Faktor Pengalaman (F2) Faktor Keagamaan (F3) menyumbang kepada kepada keputusan ini. Walaubagaimanapun dapatan kajian amat berbeza bagi responden Paderi(Ahli CCM). Ini adalah kerana majoriti Paderi(Ahli CCM) iaitu 80 % dan sebilangan Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) iaitu sebanyak 30 % menyatakan “Ya” iaitu akan membantu dan

memberikan derma walaupun derma itu akan disalurkan kepada proses baik pulih masjid untuk masyarakat Islam. Dengan merujuk kepada Skala Kesan Hubungan Sosial (SKHS) bagi Kesan Sikap Altruistik (K3) kajian menunjukkan sikap altruistik Pemimpin Agama Kristian lebih baik daripada Pemimpin Agama Islam dengan disumbang oleh Faktor Pendidikan (F1), Faktor Pengalaman (F2) dan Faktor Keagamaan (F3) di samping elemen Faktor Tuntutan Semasa (Organisasi) (F4)

Kesan Keempat (K4): Kerjasama dalam Penyelesaian Konflik

Dapatan kajian dalam Bab Empat menunjukkan bahawa sikap Kerjasama dan Penyelesaian Konflik AJK Fatwa Kebangsaan dan Pegawai Agama Dakwah Negeri adalah berada pada tahap “Sederhana (SD)” dan “Tinggi (T)” dengan purata keseluruhan adalah tahap “Sederhana (SD)”. Manakala Paderi (Ahli CCM) dan Ketua Organisasi Kristian (Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) berada pada tahap “Tinggi (T)” dengan purata juga pada tahap “Tinggi (T)”. Skala Kesan Hubungan Sosial (SKHS) sekali lagi menunjukkan bahawa Pemimpin Agama Kristian melebihi satu tahap lebih baik daripada Pemimpin Agama Islam dalam hal kerjasama dan penyelesaian konflik.

Analisa menunjukkan bahawa Faktor Pertama (F1), Faktor Kedua (F2) dan Faktor Ketiga (F3) masih lagi menyumbang kepada tahap kerjasama dalam penyelesaian konflik setiap pemimpin agama. Walaubagaimanapun penulis juga mendapati bahawa Faktor Keempat (F4) dan Faktor Kelima (F5) iaitu Faktor Tuntutan Semasa (Organisasi) dan Faktor Politik turut mempengaruhi keputusan tersebut.

Faktor Kelima (F5) iaitu Faktor Politik pada pandangan penulis adalah faktor penentu kepada keseluruhan keputusan sikap kerjasama dalam penyelesaian konflik pemimpin-pemimpin agama sama ada Islam mahupun Kristian. Walaupun begitu keputusan kajian juga dilihat bahawa Faktor Keempat(F4) yang melibatkan perancangan strategik organisasi yang menaungi kumpulan responden AJK Fatwa Kebangsaan dilihat masih lagi kuat mempengaruhi mereka. Ini adalah kerana hanya AJK Fatwa Kebangsaan sahaja yang mempunyai keputusan yang “Sederhana (SD)” dalam kesan kerjasama dalam penyelesaian konflik berbanding Pegawai Agama Dakwah Negeri, Paderi(Ahli CCM) dan Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) dengan masing-masing pada tahap “Tinggi (T)”. Kajian menunjukkan bahawa dalam dasar kerajaan yang berkait rapat dengan Faktor Politik (F5) sebagaimana dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) amat jelas menekankan aspek membina toleransi, perpaduan, keamanan, kemakmuran, integrasi sepertimana dibincangkan dalam Dasar Wawasan Negera ke arah mencapai Wawasan 2020 di mana objektifnya adalah untuk mencapai perpaduan Nasional. Begitu juga gagasan-gagasan yang dibangunkan oleh Perdana Menteri keempat dan kelima iaitu Dasar Islamisasi dan Islam Hadhari di mana turut menekankan tentang aspek perpaduan dan toleransi dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia ini. Oleh itu gagasan-gagasan ini akan menjadi satu dasar negara yang sudah pasti mempunyai *weight age* atau *force element* untuk dilaksanakan di peringkat kementerian atau badan-badan yang berkaitan serta dipertanggungjawabkan untuk melaksanakannya bagi pihak kerajaan. Maka pada pandangan penulis *weight age* atau *force element* politik juga amat kuat dan pasti mempengaruhi tindakan dan keputusan setiap pemimpin-pemimpin agama di peringkat bawah.

Pada Soalan 28: Adakah anda bersetuju kedua-dua Pemimpin Agama Islam dan Kristian harus mengadakan sesi dialog dalam kekerapan yang tinggi untuk membendung salah faham/konflik daripada berlaku? Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun AJK Fatwa menunjukkan majoriti iaitu 100 % tetapi ia adalah pada tahap “Bersetuju” berbanding Pegawai Agama Dakwah Negeri iaitu 64.3 % ia berada pada tahap “Sangat bersetuju”. Dalam hal ini penulis melihat bahawa Faktor Tuntutan Semasa(Organisasi) (F4) iaitu Perancangan Strategik JAKIM iaitu organisasi yang menaungi AJK Fatwa Kebangsaan masih lagi mempengaruhi tindakan mereka. Bagi Paderi(Ahli CCM) pula keputusan majoriti juga iaitu 80 % memilih untuk “Sangat bersetuju” untuk mengadakan dialog berkala dalam proses mengelak konflik dan salah faham antara agama. Manakala bagi Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) keputusan agak sekata di antara “Bersetuju” dan “Sangat bersetuju” iaitu 53.8 % ke 46.2 %. Data ini pada pandangan penulis telah menjelaskan lagi realiti sebenar kurangnya penerimaan Pemimpin Agama Islam terhadap kepentingan pelaksanaan dialog antara agama dalam penyelesaian konflik antara agama. Perkara ini berlaku pada pandangan Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan iaitu Tan Sri Dato’ Dr. Haji Abdul Shukor bin Hj. Husin kerana mereka tidak mahu platform pelaksanaan dialog ini digunakan oleh pihak bukan Islam dan secara khusus pihak Kristian untuk membuat pelbagai tuntutan atas alasan hak kebebasan beragama dan hak asasi manusia.⁶⁸³

⁶⁸³ Wawancara bersama Tan Sri Dato’ Dr. Haji Abdul Shukor bin Hj. Husin.

Bagi Soalan 29: Adakah anda bersetuju konflik atau salah faham antara agama harus diselesaikan melalui saluran dialog dan bukan saluran perundangan dan media massa? Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti iaitu 80 % dari kalangan Paderi(Ahli CCM) menyatakan bahawa mereka “Sangat bersetuju” agar setiap konflik atau permasalahan antara agama yang berlaku diselesaikan melalui saluran dialog berbanding AJK Fatwa Kebangsaan menyatakan “Bersetuju” walaupun peratusan yang tinggi iaitu 100 %. Begitu juga kumpulan kedua iaitu Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) mendahului Pegawai Agama Dakwah Negeri dengan masing-masing menyatakan “Sangat bersetuju” dengan 46.2 % kepada 35.7 %. Walaubagaimanapun dapatan ini dilihat agak berbeza daripada realiti konflik yang sedang berlaku iaitu dalam isu Kalimah Allah. Ini adalah kerana isu ini menunjukkan bahawa pihak agama Kristian telah menjadikan isu ini sebagai isu perundangan untuk mempertahankan hak menggunakan kalimah Allah terutama dalam penerbitan *The Herald*. Setelah meneliti kembali bahagian Bab Tiga iaitu peranan Pemimpin Agama Kristian dalam penyelesaian konflik, kajian mendapati bahawa berkemungkinan isu ini dibawa ke mahkamah adalah selepas pihak Kristian menghadapi halangan untuk mengajak pihak Pemimpin Agama Islam berdialog untuk menyelesaikan konflik ini. Ini adalah berpunca daripada badan yang bertanggungjawab dan berautoriti bagi hal ehwal Islam di Malaysia iaitu JAKIM tidak terlibat dalam hal-hal hubungan antara agama mahupun berdialog, apatah lagi menjalankan dialog untuk penyelesaian konflik. Tambahan lagi apabila berlaku sesuatu isu antara agama biasanya pihak Kristian akan berdepan secara terus dengan pihak kerajaan dan bukan badan-badan atau wakil-wakil agama Islam yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin agama.

Seterusnya bagi Soalan 30: Adakah anda fikir dengan melakukan Intra-Dialog melalui saluran perhimpunan agama(seperti: maklumat dimasukkan dalam teks Khutbah Jumaat/*Sunday Prayer*) merupakan pendekatan yang baik dalam meredakan isu hubungan antara agama? Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti 100 % AJK Fatwa Kebangsaan dan 64.3 % Pegawai Agama Dakwah Negeri “Sangat bersetuju” untuk menggunakan saluran khutbah jumaat untuk melaksanakan Intra-Dialog dalam proses penyelesaian konflik dan meningkatkan kefahaman isu-isu antara agama. Bagi Paderi(Ahli CCM) dan Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan) masing-masing “Sangat bersetuju” dan “Bersetuju” untuk menggunakan saluran perhimpunan agama seperti *Sunday Gathering* untuk menjalankan proses memupuk perpaduan dan toleransi antara agama dan kaum iaitu 80 %, 30.8 % dan 46.2 %. Dapatan ini juga amat selari dengan pandangan kedua-dua pengerusi pemimpin Agama Islam dan Kristian iaitu Tan Sri Dato’ Dr. Abdul Shukor Husin dan Rev Dr Eu Hong Seng dalam hurai Bab Tiga sebelum ini. Dengan dapatan analisa ini penulis berpandangan bahawa satu kajian khusus harus dijalankan terhadap kandungan-kandungan khutbah dan juga *Sunday Gathering* untuk melihat sejauhmana kandungannya mempunyai unsur-unsur memupuk perpaduan, toleransi dan memberi kefahaman sebenar kepada masyarakat agama masing-masing dalam proses penyelesaian konflik agama.

Kesan Kelima (K5): Hal-hal dakwah dan mubaligh

Berdasarkan Skala Kesan Hubungan Sosial (SKHS) kajian telah menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan pemimpin agama sama ada Islam mahupun Kristian dalam hal-hal berkaitan dakwah bagi Islam dan mubaligh bagi Kristian berada pada tahap “Tinggi(T)”. Perkara ini dalam penelitian penulis adalah disumbang oleh Faktor Keempat

(F4) iaitu Faktor Tuntutan Semasa(Organisasi). Ini adalah kerana setiap organisasi yang menaungi pemimpin agama seperti JAKIM bagi Islam dan Persekutuan Kristian Malaysia melalui tiga organisasi Kristian (Gereja Katolik, Majlis Gereja-Gereja Se Malaysia dan Gereja Evangelikal) di bawahnya tidak ada menyatakan atau menyenaraikan sebarang matlamat untuk bekerjasama dalam hal-hal dakwah dan juga mubaligh. Oleh itu kajian menunjukkan bahawa urusan dakwah dan mubaligh ini boleh disimpulkan sebagai urusan yang bersifat eksklusif bagi Pemimpin Agama Islam dan Kristian. Walaupun begitu kajian juga menunjukkan bahawa dalam aspek pelaksanaan dialog ia tidak dilihat seperti bersikap eksklusif. Ini merujuk kepada keputusan Soalan 29 di mana majoriti Pemimpin Islam dan Kristian menerima dialog sebagai platform menyelesaikan konflik. Ini bermakna pada pandangan pemimpin-pemimpin agama konflik bukan isu eksklusif dan ia adalah isu nasional yang perlu diselesaikan. Walaubagaimanapun dalam konteks dapatan ini ia tidak mencerminkan sepertimana yang berlaku di peringkat nasional di mana dialog masih lagi dilihat suatu yang eksklusif terutama bagi Pemimpin Agama Islam.

Walaupun Skala Kesan Hubungan Sosial (SKHS) menunjukkan kesan pada hal-hal dakwah dan mubaligh Pemimpin Agama Islam dan Kristian adalah tahap “Tinggi (T)” tetapi dalam aspek bekerjasama ia dilihat pada tahap rendah. Ini berdasarkan analisa secara deskriptif terhadap beberapa soalan seperti pada Soalan 25 dan Soalan 34. Kajian mendapati dari aspek kerjasama menjalankan dakwah dan mubaligh pemimpin-pemimpin agama sama ada Pemimpin Agama Islam mahupun Kristian menunjukkan tahap kerjasama yang rendah.

Sebagai contoh pada Soalan 25: Islam dan Kristian menyebarkan ajaran agama masing-masing untuk memenangi penganut baru(secara langsung dan tidak langsung). Adakah anda terfikir mereka patut bekerjasama dalam usaha ini bagi mengelakkan perbalahan? Kajian menunjukkan bahawa majoriti iaitu 100 % AJK Fatwa Kebangsaan, Pegawai Agama Dakwah Negeri dan Paderi(Ahli CCM) menyatakan bahawa mereka “Tidak(T)” boleh bekerjasama. Manakala Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) dengan 93 %. Kajian juga menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan pemimpin agama turut memberikan alasan yang sama pada Soalan 26 iaitu dengan keseluruhan menyokong alasan (1) “Usaha ini tidak boleh dijalankan bersama kerana berlainan doktrin dan ajaran” sebanyak 63 % dan selebihnya dengan 35 % dengan alasan (2) “Penyebaran agama(dakwah/mubaligh) adalah hak setiap agama, maka biar mereka laksanakan sendiri”. Walaubagaimanapun dari aspek tahap bersikap eksklusif dalam penyebaran dakwah dan mubaligh ini, Pemimpin Agama Islam dilihat agak tinggi kerana majoriti iaitu 85 % memilih untuk memberi alasan (1) yang agak bersikap defensif. Manakala pihak Kristian pemilihan alasan agak seimbang iaitu hanya 45.3 % memilih jawapan (1) dan 55.9 % memilih jawapan (2).

Seterusnya pada Soalan 34: Adakah anda fikir ia sesuatu amalan yang baik dengan membenarkan pendakwah Muslim untuk berdakwah di kawasan Kristian/mubaligh Kristian berdakwah di kawasan Muslim? Kajian menunjukkan bahawa majoriti iaitu dengan 100 % dan 92.9 % kedua-dua AJK Fatwa Kebangsaan dan Pegawai Agama Dakwah Negeri menyatakan “Sangat tidak bersetuju” iaitu tidak akan membenarkan mubaligh Kristian berdakwah di kawasan masyarakat Islam. Manakala dapatan bagi responden Kristian ia agak berbeza kerana hanya 60 % dan 66.7 % sahaja bagi Paderi(Ahli CCM) dan Ketua

Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) yang “Tidak bersetuju” dan “Sangat tidak bersetuju”. Manakala terdapat juga di kalangan mereka yang “Sangat bersetuju” dan menyatakan ia “Tiada perbezaan” iaitu 13.3 % dan 20 % bagi Paderi(Ahli CCM) dan 8.3 % bagi kedua-dua pandangan “bagi Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM). Pada pandangan penulis dapatan ini adalah selari dengan dapatan pada Soalan 24 di mana masih menunjukkan bahawa Pemimpin Agama Islam mempunyai pandangan yang agak eksklusif daripada Pemimpin Agama Kristian dalam hal-hal dakwah.

Kajian juga mendapati Faktor Keenam (F6) iaitu Faktor Prestij(Jawatan) juga turut tidak mempengaruhi Skala Kesan Hubungan Sosial(SKHS) pemimpin-pemimpin agama. Dari awal pembentukan soal selidik penulis telah menetapkan pengukuran Faktor Prestij adalah berdasarkan gelaran yang diterima oleh pemimpin-pemimpin agama sama ada diperolehi di peringkat negeri mahupun kebangsaan. Ini bermaksud secara struktur skala, jika responden mempunyai peratusan tinggi memegang gelaran seperti Tan Sri, Dato’, Datuk dan sebagainya maka ia akan memberi kesan positif kepada kelima-lima tema kesan hubungan sosial. Walaubagaimanapun kajian mendapati walaupun secara keseluruhan responden Pemimpin Agama Islam dan Kristian mempunyai peratusan yang rendah dalam memegang gelaran Tan Sri, Dato’, Datuk dan sebagainya iaitu 38.5 %⁶⁸⁴ kepada 20.5 %⁶⁸⁵ sahaja tetapi Purata Kesan Hubungan Sosial dalam kelima-lima tema hubungan sosial berada pada tahap “Sederhana (SD)” dan”Tinggi (T)”. Tidak ada satu kumpulan responden

⁶⁸⁴ Rujuk Bab Empat Jadual 4.5. Jumlah keseluruhan kedua-dua kumpulan responden Pemimpin Agama Islam yang memegang gelaran adalah $77.3 \times 100 / 200$. Maka peratusanya adalah 38.65 % atau 38.7 %.

⁶⁸⁵ Rujuk Bab Empat Jadual 4.101. Jumlah keseluruhan kedua-dua kumpulan responden Pemimpin Agama Kristian yang memegang gelaran adalah $41.4 \times 100 / 200$. Maka peratusanya adalah 20.5 %


pun yang mendapat Purata Kesan Hubungan Sosial pada Tahap “Rendah (R)” mahupun “Sangat rendah (SR)”. Ini bermaksud Faktor Prestij (F6) tidak memberi sebarang kesan terhadap kesan hubungan sosial pemimpin-pemimpin agama sama ada Islam mahupun Kristian.

Selain itu untuk Faktor Prestij(Program Dialog) di kalangan pemimpin-pemimpin agama terutama Islam dan Kristian tidak wujud dalam kerangka tahun 2001 hingga 2009. Ini adalah kerana dalam penelitian penulis Faktor Prestij (Program Dialog) boleh diukur setelah tertubuhnya Jawatankuasa Untuk Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama(JKMPKA) pada tahun 2010 sebagaimana telah disentuh oleh penulis dalam Bab Tiga. Oleh itu sebelum tahun 2010 hanya Faktor Prestij(Jawatan) sahaja yang relevan untuk dianalisa.

Jadual 5.1 di bawah adalah kesimpulan keseluruhan perbincangan analisa untuk Bab Empat. Jadual 5.1 di bawah diberi nama *Diagnostic Understanding on Interfaith Dialogue Basic Concept and Effects to Social Relation (Diagnostic Understanding IFD-SR)*. Jadual ini menerangkan diagnostik realiti selepas analisa dilakukan kepada keseluruhan dapatan kajian terhadap kefahaman konsep asas dialog antara agama dan kesannya kepada hubungan sosial Pemimpin –pemimpin Agama Islam dan Kristian di Malaysia. Maka kerangka baru bagi menunjukkan keseluruhan kajian ini adalah seperti Gambarajah 5.1 di bawah.

Bil	Kategori Responden	Tahap Kefahaman	Purata Keseluruhan Kefahaman	Faktor Kefahaman	Kesan Hubungan Sosial		Faktor Kesan	Purata Setiap Kumpulan Kesan Hubungan Sosial	Purata Keseluruhan Kesan Hubungan Sosial Islam & Kristian
1.	AJK Fatwa Kebangsaan	Faham (F)	Faham (F)	F1 F2 F3	K1	Rendah (R)	F4	Sederhana (SD)/ Pertengahan	Sederhana (SD)/ Pertengahan
					K2	Sederhana (SD)/Pertengahan	F1, F2, F3		
					K3	Sederhana (SD)/Pertengahan	F1, F2, F3, F4		
					K4	Sederhana (SD)/Pertengahan	F1, F2, F3, F4, F5		
					K5	Tinggi (T)	F4		
2.	Pegawai Agama Dakwah Negeri	Faham (F)	Faham (F)	F1 F2 F3	K1	Rendah (R)	F4	Tinggi (T)	Tinggi (T)
					K2	Sederhana (SD)/Pertengahan	F1, F2, F3		
					K3	Sangat Tinggi (ST)	F1, F2, F3, F4		
					K4	Tinggi (T)	F1, F2, F3, F4, F5		
					K5	Tinggi (T)	F4		
3.	Paderi(Ahli CCM)	Sangat Faham (SF)	Faham (F)	F1 F2 F3	K1	Tinggi (T)	F4	Tinggi (T)	Tinggi (T)
					K2	Rendah (R)	F1, F2, F3		
					K3	Sangat Tinggi (ST)	F1, F2, F3, F4		
					K4	Tinggi (T)	F1, F2, F3, F4, F5		
					K5	Tinggi (T)	F4		
4.	Ketua Organisasi Kristian(Ahli Bersekutu & Gabungan CCM)	Tidak Pasti (TP)	Faham (F)	F1	K1	Sangat Rendah (SR)	F1	Tinggi (T)	Tinggi (T)
					K2	Rendah (R)	F1, F2, F3		
					K3	Tinggi (T)	F1, F2, F3, F4		
					K4	Tinggi (T)	F1, F2, F3, F4, F5		
					K5	Tinggi (T)	F4		

Jadual 5.1 : *Diagnostic Understanding IFD-SR*



Gambarajah 5.1: Diagram di atas adalah Kerangka kerja penyelidikan. Diagram di atas menggambarkan hubungan di antara kefahaman responden dengan kesan hubungan sosial yang dipengaruhi oleh beberapa faktor.

Secara perbandingan dengan berdasarkan Jadual 5.1 di atas kajian menunjukkan bahawa wujud persamaan terhadap faktor yang kerap mempengaruhi tahap kefahaman kedua-dua kumpulan pemimpin agama Islam dan Kristian iaitu Faktor Pertama (F1): Faktor Tahap Pendidikan/Pendidikan Agama/Proses Pendidikan iaitu masing-masing dua kali menjadi faktor untuk mempengaruhi Pemimpin Agama Islam dan Kristian.

Manakala terdapat perbezaan terhadap faktor yang kerap mempengaruhi kesan hubungan sosial pemimpin agama. Kajian menunjukkan bahawa bagi Pemimpin Agama Islam, faktor yang kerap mempengaruhi kesan hubungan sosial adalah Faktor Keempat (F4) iaitu Faktor Tuntutan Semasa(Organisasi) iaitu sebanyak 8 kali iaitu 28.6 %.⁶⁸⁶ Manakala bagi Pemimpin Agama Kristian adalah Faktor Pertama (F1): Faktor Tahap Pendidikan/Pendidikan Agama/Proses Pendidikan dan Faktor Keempat (F4) iaitu Faktor Tuntutan Semasa(Organisasi) masing-masing dengan 7 kali kekerapan iaitu 25 %.⁶⁸⁷

Justeru kajian mendapati bahawa Faktor Keempat (F4): Faktor Tuntutan Semasa(Organisasi) memberi kesan yang kuat terhadap kesan hubungan sosial Pemimpin Agama Islam sehinggakan membentuk Purata Keseluruhan Kesan Hubungan Sosial bagi Pemimpin Agama Islam hanya pada tahap “Sederhana (SD)” berbanding tahap “Tinggi(T)”

⁶⁸⁶ Jumlah faktor iaitu Faktor Pertama (F1) hingga Faktor Kelima (F5) yang terlibat dalam mengukur kesan hubungan sosial Pemimpin Agama Islam adalah sebanyak 28 kali. Manakala Faktor Keempat (F4) yang paling tinggi iaitu sebanyak 8 kali. Oleh itu :

$$\frac{8}{28} \times 100 = 28.57 \% (28.6 \%).$$

⁶⁸⁷ Jumlah faktor iaitu Faktor Pertama (F1) hingga Faktor Kelima (F5) yang terlibat dalam mengukur kesan hubungan sosial Pemimpin Agama Kristian adalah sebanyak 28 kali. Manakala Faktor Pertama (F1) dan Faktor Keempat (F4) berkongsi kekerapan yang paling tinggi yang sama sebanyak 7 kali. Oleh itu :

$$\frac{7}{28} \times 100 = 25 \%$$


bagi Pemimpin Agama Kristian. Dapatan ini adalah selari dengan pelan strategik badan yang menaungi Pemimpin Agama Islam iaitu JAKIM sebagaimana dibincang dalam Bab Tiga. Walaupun bagaimanapun dari sudut purata keseluruhan kajian ia masih wujud signifikansi hubungkait di antara kefahaman yang baik dengan hubungan sederhana dan baik di kalangan pemimpin agama.

5.1 (C) Analisa Signifikansi Tahap Kefahaman dan hubungkait Kesan Terhadap Hubungan Sosial Pemimpin Agama Islam dan Kristian secara keseluruhan

Dengan menggunakan Kaedah Analisis Matriks kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan di antara kefahaman responden yang baik terhadap konsep asas dialog antara agama dengan kesan hubungan sosial yang baik di kalangan Pemimpin Agama Islam mahupun Kristian di Malaysia dengan kekerapan tertinggi disumbang oleh Faktor Pertama (F1): Tahap Pendidikan/Pendidikan Agama/Proses Pendidikan, iaitu dengan peratusan 25.8 % iaitu dengan kekerapan sebanyak 17 kali.⁶⁸⁸ Lihat Gambarajah 5.2 iaitu menunjukkan gambaran keseluruhan hubungan di antara kefahaman (*Independent Variable*) dan Kesan (*Dependent Variables*) seperti di bawah.

⁶⁸⁸ Jumlah faktor iaitu Faktor Pertama (F1) hingga Faktor Kelima (F5) yang terlibat dalam mengukur kefahaman konsep asas dialog antara agama dan juga kesan hubungan sosial di antara Pemimpin Agama Islam dan Kristian adalah sebanyak 66 kali. Manakala Faktor Pertama yang terlibat adalah sebanyak 17 kali. Oleh itu :

$$\frac{17}{66} \times 100 = 25.75 \% (25.8 \%).$$




Gambarajah 5.2: Gambarajah Hubungan Siknifikan Di Antara Kefahaman Konsep Asas Dialog Antara Agama dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial Pemimpin Agama Islam dan Kristian di Malaysia.

5.2 Pembentukan Awal Model Ejen Dialog Antara Agama Di Malaysia

Dalam perbincangan Bab Dua kajian telah mendapati kumpulan yang dikategorikan sebagai *High-level religious leader/ faith leadership* yang berperanan sebagai agen dalam konteks penyelesaian konflik tidak wujud dan dialog antara agama yang berperanan sebagai platform untuk berbincang secara serius dan mendalam di kalangan pemimpin-pemimpin agama juga tidak berlaku. Sebaliknya jika dialog antara agama berlaku, wakil-wakil yang mewakili agama masing-masing adalah tidak menepati ciri-ciri yang diperlukan untuk memastikan perjalanan dialog antara agama berlangsung dengan baik iaitu “Sebelum bermula dialog – Semasa berdialog – Selepas berdialog”. Pada penelitian penulis proses “Sebelum – Semasa – Selepas” ini adalah amat penting kerana untuk memastikan setiap program dialog itu mempunyai kesinambungan yang berterusan terutama dalam dialog penyelesaian konflik.

Maka selepas kajian dijalankan laporan kajian menunjukkan bahawa teori *Diagnostic Religious Leader (Diagnostik RL)* dalam Jadual 2.2 sebagaimana yang dibangunkan oleh penulis dalam Bab Dua iaitu daripada konseptual kepada realiti di Malaysia adalah selari dengan *Diagnostic Understanding on Interfaith Dialogue Basic Concept and Effects to Social Relation (Diagnostic Understanding IFD-SR)* yang penulis bangunkan selepas analisa dibuat berdasarkan laporan kajian dalam Bab Empat. Justeru berdasarkan analisa ini, satu model ejen dialog dapat dibangunkan dengan merujuk kepada kerangka di Malaysia yang penulis namakan sebagai Model Ejen Dialog Antara Agama (*Model Agent of Interfaith Dialogue*)(MA_IFD). Model ini mengetengahkan kumpulan

pemimpin agama sebagai ejen utama dalam pelaksanaan dialog antara agama dan secara khusus dalam dialog penyelesaian konflik. Ciri-ciri utama adalah (1) Berilmu (*Knowledgable*): secara khusus adalah mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam konsep dialog antara agama. Elemen ini mewakili (a) Tahap Pendidikan yang Tinggi, (b) Mempunyai Tahap Pendidikan Agama dan (c) Melalui proses pendidikan formal dalam memperolehi pengetahuan berkaitan dengan dialog antara agama. (2) Berpengalaman (*Well Experienced*): Elemen ini mewakili (a) berpengalaman dalam pelaksanaan dialog antara agama sama ada sebagai (i) panel dialog atau pakar rujuk, (ii) menyertai program-program dialog antara agama dan (iii) berpengalaman menganjurkan dialog antara agama. (3) Personaliti yang baik (*Good Personality – Religious*): Elemen utama adalah mempunyai tahap keagamaan yang baik. (4) Mempunyai hubungan sosial yang baik. Elemen ini harus mempunyai minimum lima tema seperti fokus kajian ini iaitu (i) Hubungan Sosial dan Interaksi yang baik, (ii) Mempunyai Sikap Eksklusif yang rendah, (iii) Mempunyai Sikap Altrustik yang baik, (iv) Mempunyai Sikap Kerjasama dalam Penyelesaian Konflik yang baik dan (v) Mempunyai Sikap Kerjasama sekurang-kurangnya memahami bagaimana melaksanakan dakwah dan mubaligh tanpa menimbulkan konflik atau ketegangan agama. Gambarajah 5.3 di bawah menerangkan ringkasan Model Ejen Dialog Antara Agama (*Model Agent of Interfaith Dialogue*)(*MA_IFD*). Pengaplikasian model ini harus juga bersandarkan kepada *Diagnostic Religious Leader (Diagnostik RL)* dalam Jadual 2.2 sebagaimana yang dibangunkan oleh penulis di peringkat awal kajian.



Gambarajah 5.3: Model Ejen Dialog Antara Agama

5.3 Kesimpulan

Berdasarkan kepada laporan analisa di atas penulis dapat membuat beberapa kesimpulan awal. Di antaranya:

1. Secara perbandingan tahap kefahaman Pemimpin Agama Islam dan Kristian terhadap konsep asas dialog antara agama adalah sama iaitu pada tahap “Faham”.
2. Terdapat hanya tiga faktor yang mempengaruhi kefahaman Pemimpin Agama Islam dan Kristian terhadap konsep asas dialog antara agama iaitu Faktor Pertama(F1): Tahap Pendidikan/Pendidikan Agama/Proses Pendidikan, Faktor Kedua (F2): Pengalaman dalam dialog antara agama dan Faktor Ketiga (F3): Tahap Keagaman.
3. Tahap Pendidikan, Pendidikan Agama dan Proses Pendidikan iaitu pendidikan formal sebagai medan utama untuk mendapatkan maklumat mengenai dialog antara agama adalah saling berkaitan, selari dan amat penting dalam menentukan tahap kefahaman yang baik di kalangan Pemimpin Agama Islam dan Kristian.

4. Secara perbandingan tahap kesan hubungan sosial Pemimpin Agama Kristian adalah lebih baik berbanding Ketua Agama Islam iaitu tahap “Tinggi(T)” berbanding tahap “Sederhana (SD)”.
5. Secara keseluruhan terdapat lima faktor yang mempengaruhi tahap kesan hubungan sosial Pemimpin Agama Islam dan Kristian iaitu Faktor Pertama(1):Tahap Pendidikan/Pendidikan Agama/Proses Pendidikan, Faktor Kedua (F2): Pengalaman dalam dialog antara agama, Faktor Ketiga (F3): Tahap Keagamaan, Faktor Keempat (F4): Tuntutan Semasa (Organisasi) dan Faktor Kelima (F5): Faktor Politik.
6. Secara perbandingan tahap “Sederhana (SD)” kesan hubungan sosial yang diperolehi oleh Pemimpin Agama Islam banyak dipengaruhi oleh Faktor Keempat (F4): Tuntutan Semasa (Organisasi). Manakala tahap “Tinggi (T)” yang diperolehi oleh Ketua Agama Kristian banyak dipengaruhi secara seiring oleh Faktor Pertama(F1): Tahap Pendidikan/Pendidikan Agama/Proses Pendidikan dan Faktor(F4): Tuntutan Semasa(Organisasi).
7. Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kefahaman yang baik terhadap konsep asas dialog antara agama dengan kesan hubungan sosial di kalangan Pemimpin Agama Islam dan Kristian.

8. Daripada keseluruhan analisa yang dibuat, satu model ejen dialog terutama dialog penyelesaian konflik dalam konteks Malaysia dapat dibentuk yang penulis namakan sebagai Model Ejen Dialog Antara Agama (*Model Agent of Interfaith Dialogue*)(*MA_IFD*). Model ini diasaskan oleh empat ciri utama iaitu, (1) Berilmu (*Knowledgable*), (2) Berpengalaman (*Well Experienced*), (3) Personaliti yang Baik(*Good Personality-Religious*) dan (4) Hubungan Sosial yang baik (*Good Relationship Bulding*).